

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rasional Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) memeterai perjanjian dengan syarikat Alstom serta usaha sama IJM Construction Sdn Bhd dan Pestech Technology Sdn Bhd untuk projek penggantian Aerotren di KLIA; sedangkan MAHB pernah menamatkan kontrak Pestech Technology Sdn Bhd pada Ogos lalu, disebabkan Pestech tidak menunjukkan prestasi kerja memuaskan, menjejaskan pencapaian penting projek dan berisiko kelewatan dalam menyiapkan projek Aerotren pada tarikh akhir yang ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia Airports telah memeterai perjanjian dengan ALSTOM Transport Systems (Malaysia) Sdn Bhd (Alstom) dengan usahasama yang terdiri daripada IJM Construction Sdn Bhd dan Pestech Technology Sdn Bhd (IJMC-Pestech Joint Venture) pada 12 Januari 2024, untuk melaksanakan semula Projek Penggantian Aerotrain.
2. Di bawah perjanjian baharu ini, Alstom selaku Pengilang Peralatan Tulen (*Original Equipment Manufacturer*) akan bertindak sebagai Ketua Penyelaras Projek dan bertanggungjawab untuk memastikan operasi perkhidmatan tren dapat disambung semula bermula akhir tahun ini.
3. MAHB memutuskan untuk memeterai perjanjian dengan usahama tersebut mengambikira keperluan untuk mematuhi *fit-for-purpose* teknologi yang telah dipersetujui sebelum ini dan memastikan projek ini boleh memenuhi garis masa asal untuk operasi.
4. Penglibatan Alstom sebagai Ketua Penyelarasan Projek baharu akan memberi jaminan dan komitmen terhadap pelaksanaan projek tersebut berdasarkan rekod prestasi cemerlang syarikat tersebut termasuk pemasangan *automated people mover installations* di lapangan terbang seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Los Angeles, Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai, Lapangan Terbang Antarabangsa King Abdulaziz di Jeddah, dan Lapangan Terbang Munich.

Sekian, terima kasih.